

15 SEP 2003

MAS-Iklan/I

PENERBANGAN MALAYSIA TARIK KELUAR IKLAN DI BUSINESS WEEK

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Penerbangan Malaysia (MAS) dipercayai telah menarik keluar iklannya yang ditempatkan dalam majalah Business Week.

Khabar angin tersebar bahawa syarikat pengangkutan udara negara itu tidak berhasrat untuk meletakkan iklannya dalam majalah tersebut selepas Business Week dilaporkan mengugut untuk menulis perkara yang tidak baik tentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekiranya beliau enggan ditemubual majalah tersebut.

Apabila ditanya tentang perkara itu, Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporat MAS, Dr Mohamadon Abdullah berkata, "MAS sedang mengkaji semula dan menangguhkan keperluan medianya dengan Business Week."

Walaupun beliau enggan mengulas mengapa Malaysia Airlines mengambil langkah untuk menarik keluar iklannya daripada Business Week, dipercayai tindakan itu dibuat berikutan sikap tidak hormat yang ditunjukkan oleh majalah itu terhadap Dr Mahathir baru-baru ini.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa beliau tidak berhasrat untuk ditemubual oleh Business Week.

Meskipun Malaysia Airlines tidak mendedahkan nilai kempen iklannya dalam Business Week, dipercayai niaga janji itu bernilai kira-kira AS\$400,000 (kira-kira RM1.52 juta).

Business Week diterbitkan di New York oleh The McGraw Hill Group of Companies. Edisi Asia Business Week mempunyai edaran mingguan kira-kira 60,000 naskah.

-- BERNAMA

SHY SHY ZK MOZ